



02 JULAI 2020
KAJI SELIDIK TAHAP KECERGASAN ATLET

- Sebagai inisiatif bagi memantau tahap kecergasan atlet UTHM, satu kaji selidik tahap kecergasan atlet UTHM semasa PKPP telah dijalankan oleh Unit Kecemerlangan Pelajar, PSU. Data ini akan digunakan bagi membantu pasukan merangka program latihan yang bersesuaian dengan normal baharu.

13 JULAI 2020
MESYUARAT PENYELARASAN AKTIVITI SUKAN DI UNIVERSITI BIL.1, 2020

- Mesyuarat penyelarasan bersama wakil fakulti dan kolej kediaman telah dijalankan bagi menyusun dan menyelaraskan semula perancangan bagi aktiviti yang akan dijalankan pada tahun ini dengan mengambilkira penyesuaian kepada situasi semasa.



16 JULAI 2020
MAJLIS BACAAN YASSIN PUSAT SUKAN UNIVERSITI

- Majlis bacaan yassin telah dijalankan sebagai usaha memohon perlindungan dan keselamatan daripada wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia. Selain itu, ianya juga inisiatif membina ukhwah yang lebih erat sesama staf PTJ.

16 JULAI 2020
RIDE SANTAI YBRS. TNC (HEPA) KE STADIUM UTHM

- Ride santai YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, TNC HEPA dan pasukan sambil meninjau kemudahan sukan di Stadium UTHM. Terima kasih diucapkan kepada YBrs. TNC HEPA kerana dapat meluangkan masa bersama PSU dengan beberapa pengisian bagi penambahbaikan terhadap perkhidmatan dan pembangunan sukan UTHM.





19 JULAI 2020
MESYUARAT PENYEDIAAN LALUAN KHAS KEMASUKAN ATLET MSNJ KE UTHM

- Satu mesyuarat telah diadakan di antara UTHM dan Majlis Sukan Negeri Johor bagi membincangkan keperluan dan perancangan ke arah laluan akademik atlet-atlet Johor ke UTHM. Moga usaha ini dapat direalisasikan ke arah melahirkan "The Thinking Athlete".

23 JULAI 2020
LATIHAN PEMBELAJARAN BERSAMA PKU BAGI TATACARA MEREKOD SUHU BADAN DAN DEKONTAMINASI KEMUDAHAN SUKAN

- Latihan pembelajaran bagi tatacara merekod suhu badan dan kerja-kerja dekontaminasi kemudahan sukan PSU di bawah seliaan Pusat Kesihatan Universiti. Terima kasih diucapkan kepada Pen. Pegawai Perubatan En. Faidhi Haziq b. Miswan, Ketua Jururawat Pn. Nor Azlina bt Hasan dan Jururawat Cik Norafifah bt Azhar di atas sesi pembelajaran dan seliaan ini.



25 JULAI 2020
MERAIKAN PELAJAR YANG TAMAT LATIHAN INDUSTRI DI PUSAT SUKAN UNIVERSITI

- Majlis penghargaan kepada Saudara Eadriz yang telah menamatkan tempoh latihan industri di Pusat Sukan Universiti. Terima kasih diucapkan atas segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh di PSU. Selamat maju jaya!



27 JULAI 2020
PEMBINAAN LATIHAN INDIVIDU & PASUKAN SUKAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN

- Kursus secara atas talian ini merupakan platform bagi perkongsian ilmu secara normal baharu. Inisiatif ini telah dijalankan bagi membantu warga universiti menyediakan kelengkapan latihan yang mudah, murah dan menepati latihan bersesuaian dengan situasi sekarang. Kursus telah disampaikan oleh PM Dr. Nur Ikhwan Mohamad, Pensyarah Latihan Kekuatan & Suaian Fizikal, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan UPSI.

WEBINAR

Google Meet
27 Julai 2020
10:00 Pagi - 12:00 Tengahari
Tempat Terhad

Bersama:
PROF. MADYA DR. NUR IKHWAN MOHAMAD
Latihan Kekuatan & Suaian Fizikal, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, UPSI

Pembinaan Latihan Individu & Pasukan Sukan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Anjuran Pusat Sukan Universiti, UTHM



29 JULAI 2020
BENKEL PEMURNIAAN PENKATEGORIAN PASUKAN UTHM 2020

- Bengkel Pemurniaan Pengkategorian Pasukan UTHM 2020 telah dijalankan bagi mengemaskini kelayakan pasukan berdasarkan kepada pencapaian yang telah dicapai.


17 HINGGA 25 OGOS 2020
GOTONG -ROYONG DI PADANG BOLA SEPAK A

- Kerja-kerja pemotongan rumput di Padang Bola Sepak A Stadium telah dijalankan oleh staf-staf PSU sebagai satu usaha bagi mengaplikasikan kerja-kerja yang berkaitan dengan penyelenggaraan padang. Selain itu, dapat membina semangat kerjasama dan memahami tugas dalam pengurusan fasiliti sebaiknya.



27 OGOS 2020
BENKEL KOMPETENSI KEPIMPINAN HEPA SIRI 1

- En. Azli Puddin, Pengarah PSU telah menghadiri Bengkel Kompetensi Kepimpinan HEPA Siri 1 bertempat di UTHM Kampus Pagoh. Bengkel telah dihadiri barisan Ketua-Ketua PTJ HEPA dengan pengisian seperti Refleksi Diri, Kompetensi Kepimpinan HEPA dan Pembentangan Tugasan.



24 OGOS HINGGA 08 SEPTEMBER 2020
UTHM ESPORTS TOURNAMENT 2020 FASA 1

- PSU dengan kerjasama E-Sport UTHM telah menganjurkan Kejohanan E-sport yang mensasarkan penyertaan dalam kalangan para pelajar UTHM. Platform ini juga bagi mencungkil bakat baru dalam sukan berkaitan. Kejohanan pada kali ini telah mempertandingkan 2 kategori iaitu Mobile Legends dan PUBG Mobile





25 OGOS 2020
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020



- Tahniah diucapkan kepada Staf Pusat Sukan Universiti yang telah menerima anugerah di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UTHM pada tahun 2019 :

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pn. Farhawahidah bt Ahmad Puad

2. Anugerah Khas Pembangunan Sumber Manusia

En. Jasnizam bin Sami

En. Amirul Bahri bin Kamdani

3. Anugerah Taat Setia

Pn. Norida bt Kassim

4. Anugerah Jasa Bakti

Pn. Nuur Nasyrah bt Mat Hassan

En. Khairul Amir bin Hamzah

En. Jasnizam bin Sami

En. Amirul Bahri bin Kamdani